

Pencerobohan Vietnam ke wilayah Thai ancam Malaysia - Mahathir

JUM 12 MAR 1985

KUALA LUMPUR 11 Mac - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mensifatkan pencerobohan tentera Vietnam ke dalam wilayah Thailand sebagai satu ancaman terhadap Malaysia.

"Peperangan sedang berlaku dalam beberapa hari ini. Ancaman itu adalah nyata dan dipandang berat oleh Malaysia, kita mesti berdiri teguh mengeni isu itu," tegas Perdana Menteri.

Apa yang membimbangkan, kata beliau, Vietnam nampaknya tidak teragak-agak untuk memasuki wilayah Thailand.

Datuk Sri Dr. Mahathir menyatakan demikian kepada rakan sejawatnya dari Yugoslavia, Puan Milka Planinc dalam perbincangannya hampir tiga jam di Jabatan Perdana Menteri hari ini.

Turut hadir dalam perbincangan itu ialah Menteri Luar, Tengku Ahmad Rithauddeen dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tengku Razaleigh Hamzah. Butir-butir perbincangan itu disampaikan kepada para pemberita oleh Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Tan Sri Zainal Abidin Sulong.

Puan Planinc bersama suaminya, Encik Zronko Planinc tiba di sini semalam untuk lawatan rasmi tiga hari.

Menurut Tan Sri Zainal, Perdana Menteri memberitahu rakan sejawatnya bahawa Vietnam sedang cuba untuk menyelesaikan masalah Kampuchea melalui tindakan ketenteraan atas kepercayaan bahawa tentera mereka adalah kuat.

Beliau berharap Yugoslavia terus membantu untuk menarik pandangan dunia supaya memberi sokongan kepada Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea (CGDK).

Puan Planinc pula menyatakan: "Kita adalah lebih hampir kepada ASEAN dan akan terus bekerjasama di antara satu sama lain."

Mengenai perbincangan perlucutan senjata antara Amerika Syarikat dan Soviet Union, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, selagi kedua kuasa besar itu berbincang antara satu sama lain, keadaannya adalah kurang merbahaya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri menyatakan perhatian beratnya terhadap perlucutan senjata antara negara-negara kerana ia menjejaskan sumber ekonomi untuk pembangunan.

Puan Planinc pula berpendapat bahawa negara-negara berkecuali harus bersuara terhadap soal perlucutan senjata yang dibincangkan oleh kedua kuasa besar tersebut.

Mengenai Antartika, Perdana Menteri Yugoslavia berkata, negaranya akan menyokong usaha Malaysia untuk menjadikan benua itu warisan bersama serta berpendapat bahawa soal itu harus banyak dikemukakan dalam Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM).

Mengenai Palestin, Datuk Sri Dr. Mahathir pula berpendapat bahawa pandangan umum Amerika Syarikat mengenainya mestilah diubah dan kelonggaran sikap Pengerusi Pembebasan Palestin (PLO) Encik Yasser Arafat haruslah

digunakan untuk menyelesaikan masalah Timur Tengah.

Kedua Perdana Menteri Malaysia dan Yugoslavia itu juga membincangkan mengenai usaha meningkatkan dagangan antara kedua negara di mana Puan Planinc menyatakan kesediaan negaranya mengimport barang-barang buatan negara ini.

Perdana Menteri Yugoslavia dan rombongannya akan melawat Melaka esok dan berlepas ke Jakarta pada hari Rabu.